

# UTHM jadi IPT pertama di ASEAN tawar program Kejuruteraan Rel

KLUANG 19 Mac - Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di ASEAN yang menawarkan program Kejuruteraan Rel bagi melahirkan pekerja mahir dalam industri itu.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Hou Kok Chung berkata, industri rel yang sedang berkembang maju di negara ini memerlukan tenaga kerja mahir yang ramai pada masa akan datang dan tiba masanya IPT tempatan berusaha melahirkan jurutera dalam bidang tersebut bagi mengurangkan kebergantungan kepada pakar luar negara.

"Sebagai sebuah universiti yang banyak melahirkan jurutera, UTHM turut mengambil inisiatif awal untuk menerajui program kejuruteraan rel.

"Bagi mengukuhkan usaha melahirkan jurutera rel, UTHM bakal membina kampus cawangan Kluang dalam tempoh dua tahun akan datang yang melibatkan kos antara RM200 hingga RM250 juta," katanya di sini baru-baru ini.



**DR. HOU Kok Chung diberi penerangan tambahan oleh Profesor Dr. Mohd. Noh Dalimin di Kluang, baru-baru ini.**

Yang turut hadir Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Kok Chung yang juga Ahli Parlimen Kluang berkata, usaha

membina kampus yang dilengkapi dengan institut pembelajaran dan kolej kediaman itu kini di peringkat permohonan tanah daripada Keretapi Tanah Melayu

Berhad (KTMB) seluas 2.43 hektar di kawasan bandar Kluang.

"Permohonan itu masih dalam pertimbangan pihak KTMB. Jika gagal kita akan cari tapak yang sesuai untuk bina kampus berkenaan di Kluang," katanya.

Sementara itu, Mohd. Noh berkata, pada peringkat awal pengambilan penuntut kursus tersebut hanya dibuka bagi program peringkat ijazah sarjana sepenuh masa.

"Kita menerima banyak permohonan untuk mengikuti pengajian bagi separuh masa dan ijazah sarjana muda, namun pengambilannya akan dilakukan pada masa depan. Pengambilan kedua akan bermula pada September ini untuk program ijazah sarjana sepenuh masa," katanya.

Beliau berkata, kewujudan program itu bukan sahaja bakal mengangkat martabat bidang kejuruteraan rel di negara ini, malah turut menarik minat syarikat pengendali tren dan kereta api untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan.